



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index
(Jan 2010=100)

OKTOBER 2017
October 2017




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), OKTOBER 2017

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Oktober 2017 meningkat sebanyak 0.3 peratus tahun-ke-tahun berbanding bulan Oktober 2016. Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.5 peratus dan kurang dari 0.05 peratus tahun-ke-tahun.
2. Peningkatan IHP bagi bulan Oktober 2017 sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan (1.5 peratus); Perhubungan (1.1 peratus); dan Pengangkutan (0.7 peratus). Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga bagi daging, ikan dan makanan laut, minyak dan bahan lemak, buah-buahan, sayur-sayuran, produk makanan lain serta air mineral, minuman ringan, jus buah-buahan dan sayuran. Manakala, kenaikan Indeks Perhubungan adalah disebabkan oleh peningkatan harga pada peralatan telefon dan telefaks. Kenaikan Indeks Pengangkutan adalah disebabkan oleh kenaikan harga bagi kenderaan, basikal dan tiket penerbangan.
3. Bagi perubahan tempoh ke tempoh, IHP bagi Januari-Oktober 2017 mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 peratus dan 0.2 peratus.
4. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Oktober 2017 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

| Divisyen | Kewajaran (%) | Indeks | Perubahan (%) | | |
|--|---------------|-------------|---------------------|----------------------|-----------------------------|
| | | Okt 2017 | Okt 2017 / Okt 2016 | Okt 2017 / Sept 2017 | Jan-Okt 2017 / Jan-Okt 2016 |
| INDEKS KESELURUHAN | 100 | 99.4 | 0.3 | 0.0 | -0.2 |
| Makanan dan Minuman Ringan | 19 | 100.6 | 1.5 | 0.3 | -0.1 |
| Pakaian dan Kasut | 4.2 | 93.6 | -2.2 | 3.4 | -2.2 |
| Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain | 11 | 96.8 | -0.4 | - | -0.3 |
| Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah | 11 | 95.4 | -1.2 | 0.4 | -1.6 |
| Kesihatan | 1 | 99.4 | 0.1 | -0.2 | -0.4 |
| Pengangkutan | 19 | 98.5 | 0.7 | -0.8 | 1.1 |
| Perhubungan | 6 | 100.4 | 1.1 | -0.1 | -0.1 |
| Rekreasi dan Kebudayaan | 9 | 100.4 | 1.1 | 0.4 | -0.3 |
| Pendidikan | 4 | 108.9 | 0.5 | - | 0.4 |
| Restoran dan Hotel | 9 | 102.9 | 0.7 | 0.1 | -0.2 |
| Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan | 7 | 101.8 | -0.7 | 0.6 | -0.5 |





**MEDIA RELEASE DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE**

CONSUMER PRICE INDEX (CPI), OCTOBER 2017

1. *Consumer Price Index (CPI) in October 2017 increased by 0.3 per cent year-on-year compared to October 2016. Both Food & Non-Alcoholic Beverages and Non-Food Index increased by 1.5 per cent and less than 0.05 per cent year-on-year, respectively.*
2. *The CPI increase in October 2017 was mainly due to increase in the indices of Food & Non-Alcoholic Beverages (1.5 per cent); Communication (1.1 per cent); and Transport (0.7 per cent). The Food & Non-Alcoholic Index increases mainly due to higher prices of for meat, fish and seafood, oil and fats, fruits, vegetables, other food products as well as mineral waters, soft drinks, fruit and vegetable juices. Meanwhile, higher Communication Index was due to higher prices of telephone and telefax equipment. Higher Transport Index was due to increase in the prices of motor car, bicycles and passenger transport by air.*
3. *On a period-on-period basis, CPI in January-October 2017 has decreased by 0.2 per cent compared to the same period last year. Both Food and Non-Alcoholic Beverages and Non-Food Index decreased by 0.1 per cent and 0.2 per cent, respectively.*
4. *CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for October 2017 is available from JPKE's website: www.depd.gov.bn*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

| Divisions | Weights (%) | Index | Changes (%) | | |
|--|-------------|-------------|---------------------|----------------------|-----------------------------|
| | | Oct-17 | Oct 2017 / Oct 2016 | Oct 2017 / Sept 2017 | Jan-Oct 2017 / Jan-Oct 2016 |
| OVERALL INDEX | 100 | 99.4 | 0.3 | 0.0 | -0.2 |
| Food & Non-Alcoholic Beverages | 19 | 100.6 | 1.5 | 0.3 | -0.1 |
| Clothing & Footwear | 4.2 | 93.6 | -2.2 | 3.4 | -2.2 |
| Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels | 11 | 96.8 | -0.4 | - | -0.3 |
| Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance | 11 | 95.4 | -1.2 | 0.4 | -1.6 |
| Health | 1 | 99.4 | 0.1 | -0.2 | -0.4 |
| Transport | 19 | 98.5 | 0.7 | -0.8 | 1.1 |
| Communication | 6 | 100.4 | 1.1 | -0.1 | -0.1 |
| Recreation & Culture | 9 | 100.4 | 1.1 | 0.4 | -0.3 |
| Education | 4 | 108.9 | 0.5 | - | 0.4 |
| Restaurants & Hotels | 9 | 102.9 | 0.7 | 0.1 | -0.2 |
| Miscellaneous Goods & Services | 7 | 101.8 | -0.7 | 0.6 | -0.5 |

